

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

SOALAN

YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan statistik permohonan '*Malaysia My Second Home*' (MM2H) daripada 2018 - 2020 (Januari-Jun 2020) mengikut :-

- (a) Pecahan negara, status diluluskan, ditolak dan untuk diperhatikan / ditahan; dan
- (b) jumlah permohonan dengan nombor rujukan dikembalikan kepada perunding / Pemohon Terus.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) selaku penyelaras kepada Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) berperanan untuk memproses permohonan bagi penyertaan Program MM2H. Pemprosesan permohonan ini turut melibatkan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia.

2. Dari tahun 2018 sehingga September 2019, sejumlah 9,539 warga asing telah diluluskan untuk menyertai Program MM2H. Pecahan kelulusan tersebut mengikut 10 negara terbanyak adalah seperti berikut:

BIL.	NEGARA	2018	2019 (sehingga September)
1.	China	2,666	1,831
2.	Jepun	378	228
3.	Bangladesh	274	117
4.	Republik Korea	188	496
5.	United Kingdom	668	118
6.	Singapura	119	89
7.	Taiwan	120	73
8.	Hong Kong	327	470
9.	Iran	40	12
10.	India	103	66

3. Untuk makluman, statistik kelulusan hanya dapat dilaporkan sehingga September 2019 sahaja kerana Kerajaan telah memutuskan untuk membekukan Program MM2H buat sementara waktu.

NO. SOALAN : 256

4. Berikutan arahan pembekuan tersebut, MOTAC selaku penyelaras kepada Program MM2H tidak dapat dapat melengkapkan pemprosesan permohonan baharu termasuk permohonan baharu yang telahpun dikemukakan kepada Kementerian.

5. Hal ini mengambil kira pemprosesan permohonan MM2H melibatkan pelbagai Kementerian dan Agensi yang mana turut terkesan dengan keputusan pembekuan tersebut. Oleh yang demikian, pihak MOTAC telah memulangkan dokumen permohonan tersebut kepada pemohon. Berdasarkan rekod, sejumlah 5,396 permohonan telah dipulangkan kepada pemohon melalui Perunding MM2H.

Sekian, terima kasih.